

SULIT

**CADANGAN ISI JAWAPAN KARANGAN  
BAHAGIAN A DAN BAHAGIAN B**

**Bahagian A**

[30 markah]

**Cadangan Jawapan.**

Jawapan dianggap cemerlang jika calon

- Menghuraikan 3 isi dengan penggunaan bahasa yang cemerlang dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 ungkapan menarik.

**Sekolah**

- Calon menghuraikan aktiviti minggu/bulan bahasa Melayu yang dianjurkan oleh sekolah.
- Calon menghuraikan aktiviti pertandingan yang dianjurkan sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.
- Calon menghuraikan kempen cintai bahasa Melayu di sekolah, daerah, negeri melalui ict, risalah, poster dan radio.

**Ibu bapa**

- Memberikan dorongan tentang kepentingan bahasa Melayu.
- Menggalakkan anak-anak bertutur bahasa Melayu di rumah.
- Membelikan atau menyediakan bahan dan alatan yang berkaitan dengan bahasa Melayu.

**Kerajaan**

- Kementerian Pendidikan Malaysia mewajibkan semua pelajar lulus Bahasa Melayu dalam peperiksaan awam.
- Mengadakan kempen melalui media massa.
- Semua urusan rasmi kerajaan menggunakan bahasa Melayu.

\*(Jawapan lain yang bersesuaian boleh dipertimbangkan oleh pemeriksa)

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kurang Memuaskan	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan kata kurang tepat.</li> <li>- Penggunaan ayat tidak gramatis tetapi masih difahami.</li> <li>- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>- Idea masih relevan dan bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>- Pengolahan tidak menarik.</li> <li>- Wacananya tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>- Unsur bahasa tidak bervariasi.</li> <li>- Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
Pencapaian Minimum	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan menunjukkan penggunaan kata dan ayat tidak gramatis.</li> <li>- Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.</li> <li>- Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas, tidak berkembang dan tiada contoh.</li> <li>- Pengolahan tidak menarik.</li> <li>- Wacananya tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>- Unsur bahasa tidak bervariasi.</li> <li>- Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>- Keseluruhan karangan sukar dan tidak difahami.</li> </ul>

### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

**Bahagian B**

- 1 Pengaruh media massa pada alaf ini banyak mengubah cara berfikir rakyat Malaysia.

Huraikan faedah-faedah media massa kepada diri anda.

**Cadangan Jawapan****Tiada Format**

Jawapan cemerlang jika calon

- Menghuraikan sekurang-kurangnya 4 perenggan isi, lebih daripada 2 media massa, sekurang-kurangnya menggunakan 3 ungkapan menarik.

**Faedah media massa.**

- Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang dunia, tempatan dan akhirat
- Meningkatkan kemahiran ICT, belajar, kreativiti dan kesenian
- Mempercepat komunikasi
- Mengeratkan silaturahim
- Memupuk perpaduan kaum / sejawat
- Meningkatkan pendapatan.

- 2 Anda telah dipilih untuk menyertai Pertandingan Pidato Peringkat Negeri Sembilan. Tajuk pidato yang anda pilih ialah 'Peranan Ibu Bapa untuk Menangani Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja'.

Sediakan teks pidato anda selengkapnya.

**Cadangan Jawapan**

**Berformat** ; tolak 2 markah jika tiada kata alu-aluan, kata penghadapan, ucapan terima kasih

**Peranan ibu bapa**

- Memberikan didikan agama yang sempurna dan mencukupi
- Memberikan didikan akhlak/ilmu dunia yang sempurna
- Membentuk jati diri anak, mengenali potensi anak/remaja
- Menggalakkan anak/remaja terlibat dalam program komuniti/sekolah/ Kawalan Rukun Tetangga (KRT), JKKK
- Menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa tempatan
- Memberikan kasih sayang kepada anak/remaja

3 Mutu pengangkutan awam di negara kita perlu dipertingkatkan.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk meningkatkan mutu pengangkutan awam di negara kita?

### **Cadangan Jawapan**

#### **Tidak berformat**

Jawapan cemerlang jika calon

- Menghuraikan sekurang-kurangnya 4 perenggan isi, usaha sekurang-kurangnya 3 pihak, menggunakan lebih 3 ungkapan menarik.

#### **Usaha pelbagai pihak**

- **Kerajaan / Kementerian Pengangkutan**
- Menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) , Suruhanjaya Pengangkutan Awam Udara (SPAU), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Laut (SPAL) untuk memantau pengangkutan awam
- Menambahkan bajet untuk menaik taraf prasarana pengangkutan awam
- Pemantauan kenderaan lebih kerap
- BRIM, Tayar 1 Malaysia, Teksi 1 Malaysia

#### **Keluarga –ibu bapa menggalakkan anak-anak menggunakan pengangkutan awam**

- Memberikan penerangan tentang keistimewaan menggunakan pengangkutan awam
- Memberikan cadangan kepada pengusaha pengangkutan awam untuk meningkatkan kualiti pengangkutan awam.

#### **Swasta/masyarakat – MAS, AIR ASIA, KTM , LRT, SINARAN,**

- Menggunakan kenderaan berteknologi tinggi, baharu dan selesa.
- Mengutamakan keselamatan penumpang

**Media massa – akhbar radio TV, ICT – kempen tentang kualiti dan penggunaan pengangkutan awam.**

- 4 Kebanyakan negara di dunia memberi keutamaan kepada industri pelancongan.

Jelaskan kesan kemajuan industri pelancongan kepada sesebuah negara.

### **Cadangan Jawapan**

#### **Tidak berformat**

Jawapan cemerlang jika calon

- Menghuraikan sekurang-kurangnya 4 perenggan isi, kepentingan kepada 3 negara, dan menggunakan sekurang-kurangnya 3 ungkapan menarik.

#### **Kepentingan kepada negara**

**Meningkatkan pendapatan negara** – melalui petukaran mata wang asing.

- Meningkatkan pembelian barang dan perkhidmatan di dalam negara

#### **Meningkatkan peluang pekerjaan**

- Dalam bidang perhotelan, pengangkutan, cenderamata, makanan dan pakaian.
- Menambah bilangan usahawan muda

#### **Meningkatkan kerjasama perniagaan, diplomatik dan usahasama pelancongan**

- Meningkatkan imej negara dan kepercayaan negara luar
- Meningkatkan hubungan persahabatan
- Meningkatkan perjanjian usaha sama dalam pelbagai bidang

#### **Berlaku pertukaran budaya, bahasa dan kepercayaan**

- Memberi kesan positif dan negatif kepada negara terbabit
- Bertambah pengetahuan tentang budaya
- Jenayah meningkat

- 5 Puisi tradisional seperti pantun, syair, gurindam dan seloka banyak memberi faedah kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara kita.

Sebagai remaja yang berwawasan, huraikan pendapat anda tentang kepentingan puisi tradisional kepada masyarakat.

### **Cadangan Jawapan**

#### **Tidak berformat**

Jawapan cemerlang jika calon

- Menghuraikan sekurang-kurangnya 4 perenggan isi, menghuraikan lebih daripada 2 puisi tradisional, menggunakan sekurang-kurangnya 3 ungkapan menarik.

#### **Kepentingan puisi kepada masyarakat**

- Menjayakan majlis rasmi – perasmian/ucapan/pertandingan
- Menjayakan majlis tidak rasmi, perkahwinan/peminangan
- Menyampaikan mesej
- Sumber hiburan/riadah

\*(Jawapan lain yang bersesuaian boleh dipertimbangkan oleh pemeriksa)